

## **TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO KEJOHANAN PETANQUE ANGKASA PERINGKAT KEBANGSAAN**

### **A. MAKLUMAT PERTANDINGAN**

1. Pertandingan Mencipta Logo Kejohanan Petanque ANGKASA Peringkat Kebangsaan adalah anjuran ANGKASA yang diadakan sempena Kejohanan Petanque ANGKASA Peringkat Kebangsaan 2026.

### **B. KELAYAKAN PERTANDINGAN**

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua warga kerja ANGKASA.
2. Penyertaan pertandingan ini dibuka secara terhad kepada semua Pejabat ANGKASA Negeri serta semua Bahagian yang terdapat di ANGKASA Pusat.
3. Setiap Pejabat ANGKASA Negeri dan setiap Bahagian di ANGKASA Pusat hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja sebagai wakil rasmi Pejabat ANGKASA Negeri dan Bahagian masing-masing.

### **C. SYARAT PENYERTAAN**

1. Penyertaan adalah percuma.
2. Setiap peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) logo namun terhad kepada TIGA (3) ciptaan logo sahaja untuk dipertandingkan dan dihakimi.
3. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak ditiru atau diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara. Mana-mana penyertaan yang didapati meniru / menciplak idea adalah TIDAK LAYAK atau TERBATAL serta merta daripada menyertai pertandingan ini.
4. Pereka hendaklah memberi rasional ke atas reka bentuk logo, simbol serta warna yang digunakan.
5. Logo yang dihantar mestilah berbentuk *softcopy* dalam format AI (Adobe Illustrator), PSD (Adobe Photoshop) atau JPEG (resolusi 1280 x 960) dan perlu mempunyai kualiti yang baik dan jelas untuk diadili oleh pihak penganjur.
6. Hasil karya logo yang dihasilkan adalah karya mengikut kreativiti peserta yang mengandungi nilai-nilai murni dan TIDAK BOLEH menyentuh sensitiviti perkauman, agama, kebudayaan serta politik atau menghina mana-mana individu atau pemimpin.

7. Logo tersebut mestilah meletakkan elemen berikut :

- a. Perkataan KEJOHANAN PETANQUE ANGKASA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026
  - b. Reka cipta logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi tiga (3) warna.
  - c. Pilihan salah satu warna logo adalah warna korporat ANGKASA.
  - d. Logo hendaklah mencerminkan semangat bekerjasama selaras dengan prinsip koperasi.
  - e. Logo hendaklah melambangkan identiti Kejohanan Petanque ANGKASA Peringkat Kebangsaan
8. Kos penyediaan reka bentuk (sekiranya ada) adalah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.

#### **D. TUNTUTAN HAK CIPTA/ HARTA INTELEK**

1. Penyertaan logo mestilah karya asal/ asli peserta, tidak melanggar hak cipta orang lain dan TIDAK PERNAH menyertai mana-mana pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Penyertaan atau kemenangan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ diciplak.
2. Peserta berhak mengekalkan hak milik ke atas hasil logo yang dipertandingkan dan bersetuju untuk memberi hak mutlak kepada ANGKASA sebagai penganjur untuk mengguna, menghasilkan semula, menyunting, mempamer, menyiarkan, menjadikan sumber, mengubahsuai, tujuan promosi dan pendidikan seperti poster, cetakan risalah, buku, laman web, media sosial dan lain-lain tujuan sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa dan hak ini tidak boleh ditarik balik, akan berterusan dan bebas daripada pembayaran sebarang royalti.
3. Peserta tidak dibenarkan untuk menjual atau berniaga hasil sumber logo untuk apa-apa tujuan kecuali selepas pemenang keseluruhan pertandingan telah diumumkan oleh ANGKASA.

#### **E. HADIAH DAN KEPUTUSAN PERTANDINGAN**

Tawaran hadiah utama adalah seperti berikut :

|               |                                         |
|---------------|-----------------------------------------|
| Johan         | Wang Tunai RM2,500<br>Sijil Penghargaan |
| Naib Johan    | Wang Tunai RM1,500<br>Sijil Penghargaan |
| Tempat Ketiga | Wang Tunai RM500<br>Sijil Penghargaan   |

## **F. PENJURIAN**

1. Setiap karya logo akan dinilai keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti serta kualiti produksinya oleh panel juri yang dilantik oleh ANGKASA.
2. Keputusan panel juri ANGKASA adalah MUKTAMAD. Sebarang pertikaian, rayuan dan bantahan berhubung keputusan tersebut tidak akan dilayan atau dipertimbangkan.
3. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
4. Peserta yang terpilih sebagai pemenang akan dihubungi oleh ANGKASA melalui telefon atau e-mel.

## **G. SEKRETARIAT PERTANDINGAN**

1. Seksyen Korporat, Bahagian Korporat ANGKASA
2. JKAN Melaka

## **H. TERMA LAIN**

1. Dengan menyertai pertandingan ini, para peserta bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam ini dan segala keputusan yang dibuat oleh pihak ANGKASA berkaitan dengan pertandingan ini.
2. Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan. Jawatankuasa Pertandingan berhak menolak/ membatalkan penyertaan yang tidak lengkap atau atau penyertaan yang lewat dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan atau didapati melanggar syarat-syarat yang dinyatakan di sini.
3. ANGKASA berhak dan mempunyai KUASA MUTLAK untuk meminda, mengubah dan/atau memansuhkan terma dan syarat ini atau melanjutkan, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan pertandingan ini, pada bila bila masa, atas budi bicara penuh dan mutlakanya. Apa-apa perubahan pada pertandingan ini boleh dimaklumkan kepada peserta melalui kaedah yang dianggap sesuai oleh pihak penganjur.
4. Peserta hendaklah menanggung rugi pihak ANGKASA sekiranya terdapat apa apa tindakan, tuntutan, prosiding, kerugian, kos (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh), caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dibuat oleh pihak ketiga terhadap ANGKASA berhubung tuntutan hak cipta atau lain lain perkara

berkaitan dengan video penyertaan yang diterima oleh ANGKASA daripada peserta (sekiranya berkenaan).

5. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak ANGKASA termasuklah untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan atau memproses nama, nombor pengenalan diri/pasport dan imej atau lain-lain butiran ("Data Peribadi") (jika perlu), bagi menjayakan pertandingan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada untuk mengumumkan dan memaparkan Data Peribadi peserta di laman web ANGKASA bagi tujuan pemasaran atau publisiti (sekiranya berkaitan). Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk ganti rugi ke atas butiran tersebut. Peserta juga bersetuju untuk terikat dengan notis PDPA ANGKASA yang dipaparkan di laman web ANGKASA ( [www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop) ). Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi berhubung pertandingan ini hendaklah ditadbir berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang undang Malaysia yang berkaitan.
6. Pertandingan serta terma dan syarat ini hendaklah tertakluk dan ditafsirkan oleh undang-undang Malaysia serta dibawah bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
7. Sebarang pertanyaan dan soalan boleh dikemukakan terus ke :

**Seksyen Korporat**

**Bahagian Korporat ANGKASA**

Emel: [korporat.angkasa@gmail.com](mailto:korporat.angkasa@gmail.com)

Tel: +603 – 78846565

(Cik Fasiah/ Cik Balqis)